

# PENGKARYAAN TARI





# PENGKARYAAN TARI

## Objektif Pembelajaran

- Menghuraikan konsep dan kepentingan koreografi dalam tari.
- Menghuraikan kepentingan koreografi dalam tarian kreasi dan tarian kreatif.
- Mengaplikasi elemen koreografi dalam tarian kreasi dan tarian kreatif.
- Menjanakan dan menentukan idea, tema dan konsep.
- Merancang karya tarian kreasi dan tarian kreatif berdasarkan elemen koreografi.
- Menghasilkan karya tarian kreasi dan tarian kreatif berdasarkan elemen koreografi.



## “KOSA KATA”

- Bentuk tarian
- Tradisi
- Kreasi
- Kontemperori
- Dinamik
- Percussive (Staccato)



- Mempamerkan aspek nilai dalam penghasilan karya tarian kreasi dan tarian kreatif.
- Mempersembahkan hasil karya tarian kreasi dan tarian kreatif.
- Membentangkan hasil karya tarian kreasi dan tarian kreatif.
- Menilai hasil karya tarian kreasi dan tarian kreatif.
- Menghasilkan karya dengan mengamalkan nilai murni dan beretika.

# 1.0 PENGKARYAAN KOREOGRAFI

## DEFINISI

Elemen asas penciptaan koreografi ialah improvisasi dan komposisi. Terdapat dua pendapat pakar tarian yang menyebut tentang maksud koreografi sebagai asas penciptaan sesuatu tarian.



“

Koreografi dapat ditafsirkan sebagai satu produk tari yang terhasil daripada cetusan idea atau tema yang digabungkan bersama-sama dengan empat elemen yang wujud dalam tarian, iaitu rekaan, dinamik, ritma dan motivasi yang turut diperkasa dengan muzik, set, kostum, serta prop dan bentuk.

**Doris Humphrey**

”

“

Koreografi sebagai terjemahan idea, buah fikiran, cadangan, pernyataan dan kreativiti dalam bentuk tari yang mengandungi awalan, pertengahan dan pengakhiran. Terdapat beberapa perkara penting yang perlu diambil kira dalam penciptaan koreografi selain rupa dan bentuk, iaitu dinamik, ruang, bentuk tari, tema, muzik, sinografi dan impak artistik.

**Joseph Gonzales**

”

Hal ini bermaksud selain improvisasi dan komposisi yang membentuk koreografi, terdapat beberapa elemen lain yang menyokong penciptaan koreografi, iaitu dinamik, ruang, bentuk, sinografi dan kesan artistik. Tanpa elemen tersebut, penciptaan koreografi tidak akan lengkap dan seterusnya pembinaan struktur gerak tari menjadi tidak mantap.





Rajah 1.1 Kepentingan koreografi dalam tarian.



## ELEMEN KOREOGRAFI DALAM TARIAN

SILAIMBAS



Dalam menghasilkan koreografi, terdapat enam elemen yang perlu difahami dan dikuasai oleh koreografer dan penari. Yang berikut ialah elemen dalam penciptaan koreografi:

1

### BENTUK TARIAN

Bentuk tarian merujuk struktur dan gaya. Oleh itu, bentuk tarian hanya akan lengkap apabila mengandungi struktur yang ditambahkan dengan gaya. Pemilihan bentuk tarian amat penting dijadikan bahan asal atau panduan dalam membentuk koreografi. Bentuk tarian terbahagi kepada kategori berikut:

#### Bentuk Tradisi

Tarian tradisi bermaksud tarian yang diamalkan oleh masyarakat yang diperturunkan secara lisan. Kategori tarian tradisi merujuk tarian istana, tarian pergauluan dan tarian rakyat. Kebiasaannya, bentuk tarian tersebut mengekalkan gaya tarian asal dan persesembahannya masih terikat dengan konteks persesembahan tradisi.

**Gambar Foto 1.1** Tarian Terinai Ketam Bawa Anak merupakan satu daripada bentuk tarian tradisi.



#### Bentuk Kreasi

Tarian kreasi didefinisikan sebagai tarian yang diolah berdasarkan tarian masyarakat terutamanya dari aspek ragam tari, pola lantai, susunan muzik dan busana tanpa menghilangkan nuansa tarian tersebut. Tarian dihasilkan bagi melestarikan dan mempelbagaikan bentuk tarian tradisi.

**Gambar Foto 1.2** Tarian Berjambah merupakan tarian kreasi daripada Tarian Piring.

## Bentuk Kreatif

Tarian kreatif ialah tarian yang dicipta menggunakan idea asli serta mempunyai nilai dan identiti tersendiri. Tarian kreatif lebih bersifat terbuka, iaitu pergerakannya dibentuk daripada hasil kreativiti koreografer dengan bantuan pelbagai tema dan bahan tradisi serta budaya masyarakat setempat.



**Gambar Foto 1.3** Pergerakan yang kreatif menghasilkan bentuk tarian kreatif yang lebih bebas.

## Bentuk Kontemporari

Tarian kontemporari bermaksud tarian yang dicipta sesuai dengan kehendak semasa. Tarian kontemporari di negara kita bercirikan kandungan masyarakat tempatan yang mendapat sentuhan teknik tarian moden atau budaya lain. Selain itu, ciri lain tarian kontemporari adalah dengan menggunakan sepenuhnya teknik tarian Barat dan teknik tarian moden.



**Gambar Foto 1.4** Persembahan tarian kontemporari.

## 2 TEMA

Tema ialah perkara asas yang merangkumi idea dan konsep. Pemilihan tema yang bersesuaian dapat membantu pembinaan koreografi. Contohnya, tema kemanusiaan, sejarah atau hubungan alam dengan manusia. Tema yang dipilih juga mestilah bersesuaian dengan tarian serta budaya tarian yang dipilih.

## 3 RUANG

Dalam penciptaan koreografi, seorang koreografer harus memahami aspek penggunaan ruang. Penggunaan ruang yang betul dan tepat dapat menghasilkan koreografi yang menarik dan tersusun. Koreografer perlu memberikan penjelasan yang tepat kepada penarinya agar ruang dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya dalam sesuatu persembahan. Ruang terdiri daripada dua, iaitu ruang individu dan ruang umum.

### RUANG INDIVIDU

Ruang individu ialah ruang yang terdapat di sekeliling penari dan merangkumi arah dan aras yang boleh dicapai oleh penari.

Ruang umum merujuk ruang atau kawasan menari semasa menghasilkan koreografi. Ruang umum meliputi mana-mana lokasi yang bersesuaian dengan koreografi yang dihasilkan. Pemilihan ruang umum yang selamat sangat penting untuk memastikan keselamatan penari semasa membuat persembahan.

### RUANG UMUM

Rajah 1.2 Aspek ruang dalam koreografi.




Gambar Foto 1.5 Ruang peribadi.



Gambar Foto 1.6 Ruang umum.

## 4 MUZIK

Muzik merupakan elemen yang biasa dikaitkan dengan tarian. Selain itu, muzik digambarkan sebagai audio yang mengiringi sesuatu persembahan dan penciptaan koreografi. Pemilihan muzik biasanya berkait rapat dengan pemilihan bentuk tarian. Muzik boleh digunakan secara langsung atau dengan bantuan perakam audio.



Gambar Foto 1.7 Alat muzik.

## 5 DINAMIK

Aspek dinamik dalam tarian merujuk aliran tenaga dan pergerakan yang turun dan naik serta mengalir dalam sesuatu koreografi. Dalam tarian, aspek dinamik akan menghasilkan kualiti yang berbeza semasa pergerakan. Pergerakan yang dinamik akan memperlihatkan mood atau emosi dan kualiti gerak tari. Aspek dinamik dibahagikan kepada dua, iaitu:



Rajah 1.3 Aspek dinamik dalam koreografi.

## 6

## SINOGRAFI DAN KESAN ARTISTIK

Sinografi merujuk penataan busana, tatarias, set, prop dan tatacrahaya. Kesemua faktor sinografi ini akan memberikan kesan artistik dalam koreografi berdasarkan kreativiti koreografer. Penggunaan sinografi yang tepat dengan bentuk tarian dan koreografi sangat penting. Hal ini disebabkan bentuk tarian tradisi tidak sama sinografinya dengan bentuk tarian kreasi mahupun kreatif atau kontemporari. Koreografer harus faham dan dapat membezakan sinografi serta sentuhan artistik yang bersesuaian dengan bentuk tarian.



### Lan Aktiviti

1. Lakukan aktiviti dalam kumpulan.
2. Kumpulkan maklumat tentang elemen yang membentuk penciptaan koreografi selain improvisasi dan komposisi. Maklumat boleh diperoleh daripada pelbagai sumber.
3. Bincangkan maklumat yang telah dikumpulkan dan taip maklumat penting.
4. Bentangkan di hadapan guru dan rakan-rakan.

### SINOGRAFI

Busana

Set dan Prop

Tatarias

Tatacrahaya